

## LAMPIRAN A

### ***Borang Kebenaran Peserta Kajian***

**MAKTAB PERGURUAN TUN RAZAK,  
KUALA LUMPUR.**

---

Kepada,  
 Encik Dzulkapli Wagini,  
 Program M.Ed. Pendidikan Bahasa,  
 Jabatan Pendidikan Bahasa,  
 Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

#### **Borang Kebenaran Sebagai Peserta Kajian**

Saya, \_\_\_\_\_, guru pelatih Program \_\_\_\_\_, Semester \_\_\_\_\_ Pengambilan Tahun \_\_\_\_\_ bersetuju untuk menyertai kajian yang tuan kendalikan untuk memenuhi keperluan penulisan sebuah Kertas Projek program Sarjana Pendidikan bagi pengajian tuan di Universiti Malaya . Saya memahami tujuan kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji serta melaporkan penggunaan sebutan baku bahasa Melayu dalam pemelajaran di dalam kelas.

2. Untuk memenuhi kajian itu saya maklum bahawa kajian hanya melibatkan pemelajaran saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi (Dinamika Guru). Saya maklum bahawa pemerhatian dalam kelas dan sesi temu bual akan dijalankan terhadap diri saya. Saya juga maklum bahawa kegiatan pemelajaran saya yang saya lalui dalam kelas akan dirakam. Di samping itu, saya bersetuju untuk membenarkan tuan meneliti kerja-kerja penulisan, rekod-rekod akademik dan lain-lain yang berkaitan dengan saya untuk maksud memenuhi kehendak kajian tersebut.

3. Dalam penulisan kertas projek tersebut, nama sebenar saya tidak akan digunakan dan dirahsiakan. Untuk gantian, nama samaran sahaja akan digunakan. Segala maklumat yang dikumpul, dirakam, dan ditulis, saya berhak mengetahui dan menelitinya.

4. Saya juga berhak untuk menarik diri daripada menyertai kajian tersebut sekiranya saya rasa perlu. Untuk sebarang persoalan yang timbul, saya akan menghubungi tuan.

Terima kasih.

\_\_\_\_\_  
 (Tandatangan Peserta)

\_\_\_\_\_  
 (Tarikh)

## LAMPIRAN B

Contoh perbualan antara pengkaji dengan peserta kajian

Fokus : Sikap subjek terhadap SBBM

Tempat : Kantin MPTR

Masa : 2.30 petang

Tarikh : 19 Mac 1998

---

S : Pengkaji

P4 : Peserta Kajian

S : Terima kasih kerana cikgu sudi berjumpa saya untuk berbual-bual tentang bahasa.

P4: Tak apa cikgu. Terima kasih.

S : Saya nak jumpa cikgu ni ada kaitan dengan kehadiran saya dalam kelas cikgu beberapa kali yang lalulah. Saya rasa seronok pula bila tengok cikgu dan kawan-kawan membuat aktiviti dalam kelas. Biasanya macam mana cikgu bersedia bila puan EN beri kerja?

P4: Kami dalam kelas ada group sendiri-sendiri. Dah set siap . Jadi tak perlu cari-cari lagi bila ada group work. Kalau ada kerja yang kena buat, biasanya kami berjumpa dulu, bincang apa yang kena buat, sapa-sapa buat, bahagikan kerja. Lepas tu buat sama-sama.

S : Bila masanya group cikgu buat kerja-kerja tu?

P4: Tengoklah masa lapang. Selalu kalau ada masa tak ada kelas ke, masa lepas kuliah atau petang-petang.

S : Selalu puan EN berikan kerja-kerja kumpulan masa BM?

P4: Ada juga. Dia ada rancangan yang dia dah buat.

S : Adakah dia beritahu awal apa yang nak kena buat atau macam mana?

P4: Selalunya beritahu awal. Seminggu awal ke. Ikutlah.

S : Macam mana aktiviti lisan? Selalu puan EN beri?

P4: Selalu jugak.

S : Bagi cikgulah, dalam aktiviti lisan yang pernah kelas buat, apa-apa perkara yang selalu ditekankan?

P4: Banyak. Satu, tentang idea yang nak kami luah, kerjasama kami, macam mana kami gunakan BM, rasmi tak rasmi, kebolehan beri pendapat di depan kelas, berani ke malu ke. Macam tu lah.

S : Pada cikgu, apa yang menarik masa aktiviti lisan dijalankan?

P4: Yang menarik? .... kami boleh bercakap, buat ketawa, sampaikan mesej, bersajak.

S : OK. Tentang aktiviti lisan ni, saya tengok aktiviti lisan semalam, kelas menggunakan gaya bahasa lisan tak rasmi. Maskud saya kelas menggunakan gaya pertuturan biasa, tak gunakan gaya rasmi. Bagaimana pendapat cikgu?

P4: Yang semalam?. Aa .... saya setuju. Tapi cara lisan tak rasmi tu kami gunakan mengikut tajuk yang bagaimana yang patut kami persembahkan. Kalau tajuk memerlukan kami bercakap rasmi, kami buat yang rasmilah seperti mendeklamasi puisi, mewawancara, mesyuarat, dan lain-lain.

S : Ya .... Saya rasa pun begitu. Tajuk menentukan apa gaya yang kita patut pilih. Baiklah, tadi cikgu cakap bahan puisi. Boleh cikgu ceritakan gaya yang bagaimana untuk berpuisi yang biasa dilakukan? Sajaklah misalnya.

P4: Kalau sebut sajak, yang selalu kami lakukan mendeklamasi sajak. Ada juga kami menyanyikan lagu daripada sajak..

S : Boleh cikgu terangkan bezanya dengan aktiviti lisan biasa?

P4: Seperti yang saya cakap tadi, aktiviti lisan biasa bahasanya agak bebaslah . Tapi bagi sajak, bila dideklamasikan, bahasanya mengikut bunyi rima hujung perkataannya.

S : Maksud cikgu sebutannya menggunakan bahasa standard?. Begitu?.

P4: Ya. BM standard.

S : Bagi cikgulah, bunyi bahasa yang standard tu bagaimana?. Contohnya kita ambil sajak ini. (Menghulur sebuah sajak "Bunga Merah" -- Dewan Siswa, Jun 1997). Bagaimana sebutan BM yang dikatakan standard tu?

P4: Nak baca ke?.

S : Cubalah, dua tiga rangkap atau baris. Cuma saya nak pastikan daripada cikgu ialah yang bagaimana yang disebut BM standard bila deklamasi sajak?

P4: OKlah. Saya baca sikit.  
# bunga merah #

# di təŋah təŋah hutan bəlantara / kau berdiri məgah // kətikə ka<sup>w</sup>ummu ditindas  
 gərgasi bəsar / su<sup>w</sup>aramu lantaj bankit məngəgar #  
 OK?. Cukup?.

S : OKlah tu. Bagaimana pula kalau sajak Bunga merah ini dibaca macam ni.

# bunə mera: #

# di təŋah təŋah hutan bəlantara / kau bədiri məgah // kətikə ka<sup>w</sup>ummu  
 ditindas gərgasi bəsa: / su<sup>w</sup>arəmu lantaj bankit məngəga: #  
 Apa pendapat cikgu?

P4: Bagi saya pembacaan macam itu kurang tepat cikgu. Sebutan kata-katanya tak macam bunyi orang membaca sajak. Nada sajak tu adalah cikgu, tapi pembaca yang seperti ini saya rasa dia tidak memahami cara mendeklamasi sajak yang betul.

S : Kalau begitu cikgu bersetujulah kalau saya katakan kita perlu tekankan sebutan atau bunyi-bunyi mengikut perkataan-perkataan dalam sajak ini. Bagaimana cikgu?

P4: Ya. Macam tulah. Kalau kita deklamasi sajak sama seperti membaca buku-buku lain saja .... bagi saya .... tak tahulah. Tapi yang saya tahu kita perlu membaca .... mendeklamasi mengikut apa yang ditulis cikgu.

S : Bagaimana pula kalau kita membaca buku ke, majalah, maksud saya yang berbentuk prosa, kitakekalkan juga sebutan seperti yang ditulis. Macam membaca sajak ni?.

P4: Tapi cikgu yang saya tahu kita memang digalakkan membaca begitu cikgu. Puan EN memang selalu menegur kami supaya kalau membaca gunakan bahasa yang betul.

S : Bahasa yang betul?. Maksud cikgu bahasa baku?.

P4: Ya cikgu. Bahasa baku .... bahasa yang betul cikgu. Yang tidak ada pencemaran bahasa. Bukan bahasa yang campur aduk. Kalau bahasa campur aduk jadi tak baku.

S : Boleh jelaskan lagi?

P4: Yang saya maksudkan Bahasa baku tu BM yang layak digunakan untuk komunikasi, semua orang faham. BM adalah bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang baku. Jadi kenalah gunakan yang dah baku.

S : Sebutannya bagaimana pula?

P4: Sebutan kenalah betul.

S : Betul bagaimana cikgu?. Boleh berikan contoh sikit? .

P4: Betul seperti yang ada dalam buku. Contoh macam sajak ini.

- S : Baiklah, bagaimana pula pendapat cikgu tentang penggunaan sebutan BM baku dalam kelas cikgu sendiri?
- P4: Pendapat saya? Ada kelas saya menggunakan BM sebutan baku.
- S : Cuba cikgu nyatakan tentang kekerapannya. Bagaimana?
- P4: Saya rasa kalau kerap tu tidaklah. Fasal biasanya kami bercakap menggunakan BM biasa sahaja. Dalam kelas kalau kami berbual kadang-kadang banyak guna BM campur-campur English.
- S : Setakat yang cikgu tahu lah, sejauh manakah pentingnya BM sebutan baku?. Boleh terangkan sikit.
- P4: Yah. Puan EN pun selalu menyatakan supaya kami selalu praktik gunakan BM baku. Dia kata penting kerana kata dia dalam kelas kita berada dalam situasi rasmi. Bahasa perlu betul. Kalau salah dia selalu tegur.
- S : Puan eN sebutannya pasti baku kan?
- P4: Sepanjang yang saya tahu lah, dia memang menggunakan sebutan baku masa mengajar. Kalau dia menerangkan apa-apa, bahasanya BM baku. Kalau saja-saja berbual dengan kami lainlah.
- S : Bagaimana pula pendapat cikgu tentang penggunaan sebutan baku itu sendiri? Setuju ke, tak setuju ke, atau macam mana?
- P4: Bagi saya, saya setuju. Guru patut menggunakan sebutan baku. Kita sebagai guru banyak menghadapi masyarakat, kerja dengan masyarakat. Kalau baku semua orang tahu. Dalam situasi rasmi bagi saya kita gunakanlah yang baku.
- S : Maksud cikgu sebutan baku?
- P4: Ya, sebutan baku. Kaum apapun tahu kalau kita bertutur BM yang ada sekarang. Mudahlah guru berhubung dengan ibu bapa atau penjaga murid.
- S : Baiklah. Pada pandangan cikgu apakah agaknya yang boleh menjadi penghalang kepada diri cikgu sendiri untuk menggunakan sebutan BM yang baku?.
- P4: Bagi saya fasal saya tidak praktik betul-betul bercakap sebutan baku. Kadang-kadang saya guna kadang-kadang tak. Jadi bila saya tengah guna yang baku, lama-lama dia boleh menjadi sebutan tak baku pula. Bercampur-campur. Ini kelemahan saya.
- S : Tiada yang tegur atau betulkan?

P4 : Ada. Tapi Puan N sahajalah selalu tegur. Bolehlah saya betulkan semula. Tapi bila dah lama-lama bercakap macam dalam berbincang ke, membaca ke, lama-lama semua lupa. Tak perasan. Bahasa pun dah lari. Pensyarah pun tak sedar agaknya.

S : OKlah. Terima kasih banyak-banyak. Banyak yang saya dapat daripada perbualan kita ni. Terima kasih. Saya harap lain masa kita boleh berbual lagi. OK?

P4 : Sama-sama cikgu.

---

## LAMPIRAN C

Contoh aktiviti lisan : Prosa

### Aktiviti : Membaca hasil perbincangan kumpulan

Kelas A :

#### P 1 (Peserta Kajian)

# sudah hampe tiga bulan bəlalu / kəhilajan pauzi mərisaukan guru kəlasnə pu<sup>w</sup>an zainab / pəcuba?an 2es pi 2em juga semaken hampe namun pauzi tətap tida? muncol juga di sekolah // 2apalah yan təlah mənimpə pauzi / səqoran pəlaja sain yan pinta // səmu<sup>w</sup>a 2oran ta<sup>w</sup>u bahawə pauzi pəlaja yan məmpuna?i harapan məndapat keputusan cəmərləj // sətəlah disi<sup>y</sup>asat oleh ce2 gu zainab di<sup>y</sup>ə məndapat ta<sup>w</sup>u bahawə pauzi bərada di pusat sərənti tampen / nəgəri səmbilan // pauzi ditahan kəranə təlibat dəjan pəpalahguna?an dadah #

#### P 2 (Peserta Kajian)

# nizam / norman dan jefri sungoh təkəjot dəjan bərita fauzi // məreka tida? mənangka bahawa pauzi mənimpanj ja<sup>w</sup>uh dari matlamat hidupna yan səbəna // sətahu məreka fauzi səqoran təman yan bija? dan bəcita cita mənjadi səoran pəgu<sup>w</sup>am // məreka cuma dapat tahu pərubahan fauzi bəpuncu dari tindakan 2ayahna // namun məreka tida? mampu məmbantu fauzi kəranə di<sup>y</sup>a bəhadapan dəjan mas2alah keluarga // sejə? dari hari 2itu / fauzi tarus mənasinkan diri dan tida? mənhubungi məreka lagi #

Kelas B :

*P 3 (Peserta Kajian)*

# ce<sup>2</sup> gu hasnah tida<sup>2</sup> p<sup>e</sup>caya<sup>e</sup> bahawa<sup>e</sup> ɻaziz t<sup>e</sup>lah m<sup>e</sup>pimpang<sup>e</sup> ja<sup>w</sup>oh daripad<sup>e</sup> k<sup>e</sup>hidupan yan<sup>e</sup> s<sup>e</sup>bena // ɻap<sup>e</sup> yan<sup>e</sup> dilihatn<sup>e</sup> selama<sup>e</sup> 2ini / **prestasi** ɻaziz di bidang<sup>e</sup> pelajaran m<sup>e</sup>rosot s<sup>e</sup>lpas t<sup>e</sup>libat dalam dadah // k<sup>e</sup>putusan<sup>e</sup> p<sup>e</sup>pereksa<sup>e</sup>an<sup>e</sup> sungoh m<sup>e</sup>ngacewakan ce<sup>2</sup>gu hasnah // s<sup>e</sup>lpas 2itu ce<sup>2</sup>gu<sup>e</sup> **hasnah** m<sup>e</sup>ngambel k<sup>e</sup>putusan<sup>e</sup> 2unto<sup>2</sup> m<sup>e</sup>ni<sup>w</sup> asat ɻap<sup>e</sup> yan<sup>e</sup> t<sup>e</sup>lah terjadi k<sup>e</sup> **atas** diri ɻaziz yan<sup>e</sup> m<sup>e</sup>ngabkan di<sup>w</sup> m<sup>e</sup>ngambel dadah // setelah disi<sup>w</sup>asat / **rupanya** di<sup>w</sup> m<sup>e</sup>ngalami t<sup>e</sup>kanan jiwa<sup>e</sup> disebabkan 2ibu bapanya yan<sup>e</sup> s<sup>e</sup>lalu b<sup>e</sup>te<sup>w</sup>ka // ce<sup>2</sup> gu hasnah t<sup>e</sup>kejot s<sup>e</sup>kali lagi ɻap<sup>e</sup>bil m<sup>e</sup>nerima berita yan<sup>e</sup> ɻaziz **sokaran** berada<sup>e</sup> dipusat s<sup>e</sup>raenti 2unta<sup>2</sup> m<sup>e</sup>ngalani p<sup>e</sup>mulehan #

*P 4 (Peserta Kajian)*

# s<sup>e</sup>belum 2ini ɻaziz m<sup>e</sup>rup<sup>e</sup>kan s<sup>e</sup>loran<sup>e</sup> p<sup>e</sup>muda<sup>e</sup> yan<sup>e</sup> **dedikasi** dan m<sup>e</sup>mpu<sup>w</sup>ai cit<sup>e</sup> cit<sup>e</sup> yan<sup>e</sup> tinggi // di<sup>w</sup> disuka<sup>w</sup>i oleh rakan rakan t<sup>e</sup>rutarn<sup>e</sup> husen dan razali // mereka m<sup>e</sup>ngatahu<sup>w</sup>i ɻaziz b<sup>e</sup>cite<sup>e</sup> cit<sup>e</sup> 2unto<sup>2</sup> m<sup>e</sup>ngjadi **seorang** 2ekaunten<sup>e</sup> // bil<sup>e</sup> disebab<sup>e</sup> / ɻaziz m<sup>e</sup>ngadapi mas<sup>w</sup>alah dengan 2ibu bapanya **dan** t<sup>e</sup>lah m<sup>e</sup>mileh jalan mudah dengan m<sup>e</sup>libatkan diri dalam dadah // disebab<sup>e</sup> **k<sup>e</sup>stagihan** yan<sup>e</sup> m<sup>e</sup>ncapai tahap kritikal / di<sup>w</sup> bukan saja m<sup>e</sup>curi dari **rakan** rakan<sup>e</sup> / malahan daripad<sup>e</sup> 2oran<sup>e</sup> ramai<sup>e</sup> // mereka sungoh sadeh dan k<sup>e</sup>sal<sup>e</sup> dengan p<sup>e</sup>bu<sup>w</sup>atan ɻaziz t<sup>e</sup>sebot // 2nilah yan<sup>e</sup> dikatakan s<sup>e</sup>pan dai<sup>e</sup> pandai<sup>e</sup> tupai<sup>e</sup> m<sup>e</sup>lompat 2axe:<sup>e</sup>no jatoh k<sup>e</sup> tanah juga #.

## LAMPIRAN D

Contoh aktiviti lisan : Puisi

**Aktiviti : Mendeklamasi Sajak dan Melafazkan Nyanyian**

# m<sup>ereka</sup> yan r<sup>ebah</sup> #

# lihatlah s<sup>e</sup>k<sup>el</sup>ilin<sup>j</sup> kita #

# batapa saban hari pasti 2ada saja #

# harapan s<sup>erta</sup> buja banja #

# yan r<sup>ebah</sup> #

# ta2 m<sup>em</sup>ada2i s<sup>e</sup>kadar k<sup>eluhan</sup> #

# 2apatah lagi j<sup>e</sup>linjan s<sup>erta</sup> c<sup>emuhan</sup> #

# yan jatuh dan yan r<sup>ebah</sup> 2itu #

# 2adalah 2ana2 watanmu #

# 2untokkan s<sup>a</sup>dikit masa 2omasmu #

# k<sup>er</sup>ana m<sup>ereka</sup> m<sup>em</sup>erlukanmu #

# ters<sup>e</sup>sat m<sup>ereka</sup> di hujun<sup>j</sup> jalan #

# marilah bersama b<sup>eri</sup> bimbingan #

# ta2 daya m<sup>en</sup>awal diri #

# lantaran t<sup>e</sup>rlalu m<sup>en</sup>urut kata hati #

# m<sup>ereka</sup> bagaikan k<sup>eh</sup>ilangan #

# p<sup>ad</sup>oman dimasa d<sup>ep</sup>an #

## LAMPIRAN E

Contoh aktiviti lisan :

**Aktiviti : Menerangkan sesuatu**

Kelas A :

*P 1 (Peserta Kajian)*

# fungsi ɻayat #

# fungsi ɻayat ditentukan ɻoleh makna ɻayat // ɻiyə təbahagi kəpadə tigə  
 ɻiyə aɻitu ɻayat maɻlumat atau formatif / ɻayat pərasaɻan 2atau ɻimosi / dan ɻayat  
 ɻarahan 2atau ɻimpəretif // fungsi ɻayat məmpunaɻi duʷə ciri ɻiyə aɻitu ɻayat yan  
 məmpunaɻi makna dan kəduʷə ɻayat yan məmpunaɻi makna bəbəntoɻ surohan  
 tətapi məmpunaɻi bəntoɻ soɻalan // fungsi ɻayat juga məmpunaɻi  
 pəŋə cuʷaliyan ɻiyə aɻitu səpərti contoh boleh ɻambelkan sayə səsudu gulə ɻiyə a  
 ɻitu ɻiyə bəbəntoɻ soɻalan tətapi lebeh bərupa ɻarahan // dan kəduʷə /  
 si ɻapə kata sayə pandai ? // ɻiyə bəbəntoɻ soɻalan tətapi mərupəkan cabaran #  
 ^

Kelas B :

*P 3 (Peserta Kajian)*

# ɻadə tige jənes fungsi ɻayat // kitə pəgi kəpadə ɻayat maɻlumat // ɻayat  
 maɻlumat ɻadə tige bəlas jənis // ɻaɻi ɻayat maɻsud ɻayat maɻlumat ? // ɻayat  
 palin banaɻ diterbetkan dalam bahasə lisan dan tulisan // ɻiyə nə ɻuntoɻ  
 məmbəritahu səsuʷətu // o:ke: ? // ɻadə ɻayat pəsətujuʷan / pətapaɻan /  
 taɻifan / ɻaɻi ɻayat nafiyan / ɻayat təgasan / ɻayat sudot pandanən / ɻayat  
 nilaiɻan / ɻayat nilaiɻan ni təmasoɻ pəndapat dan citə rasə // ɻaɻi ɻayat  
 nilaiɻan

saysi<sup>v</sup>an təmaso<sup>2</sup>lah kəragu<sup>w</sup>an dan prasajkə // 2ayat <sup>v</sup>saratan / 2ayat janji<sup>y</sup>an /  
2ayat janji<sup>y</sup>an təmaso<sup>2</sup> 2ikrar dan sumpah // 2ayat cəritə təmaso<sup>2</sup>  
pəməri<sup>y</sup>an / 2ayat pəŋ?istihar 2a: pəŋ?istihara<sup>2</sup>an 2a: pəŋ?istiharan / təmaso<sup>2</sup>  
ma<sup>2</sup>luman dan pəŋətahu<sup>w</sup>an dan ayat pəŋata<sup>2</sup>an #

## LAMPIRAN F

**BAHAGIAN SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
PARAS 5, BLOK 'J' (SELATAN)  
PUSAT BANDAR DAMANSARA,  
50604 KUALA LUMPUR.**

Telefon : 2556900  
Kawat : PENDIDIKAN'

KP(BS)8591/Jld.III/(14)

2 April 1988.

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YB Datuk/Tuan/Puan,

### **SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 11/1988:**

#### **Pelaksanaan Penggunaan Sebutan Baku Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Di Sekolah**

Adalah dimaklumkan bahawa pelaksanaan penggunaan sebutan baku Bahasa Malaysia di dalam pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat persekolahan hendaklah dimulakan pada awal penggal II, 1988.

2. Untuk melaksanakan rancangan ini dengan berkesan, semua Jabatan Pendidikan Negeri diminta mengadakan kursus pendedahan terhadap Sistem Sebutan Baku Bahasa Malaysia kepada semua guru. Kursus pendedahan ini boleh dikendalikan di peringkat negeri/daerah oleh pegawai-pegawai dari Jabatan YB: Datuk/Tuan/Puan yang telah diberi kursus pendedahan terhadap Sistem Sebutan Baku ini pada 19 Mac 1988 sehingga 31 Mac 1988, di Institut Aminuddin Baki, Sri Layang, Genting Highlands. Bagi negeri-negeri yang sedang mengajurkan kursus KBSM, pendedahan terhadap sebutan baku ini boleh diterapkan ke dalam kursus KBSM.

3. Ketua-ketua panitia/kakitangan sumber dikehendaki pula mengadakan Kursus Sebutan Baku di sekolah masing-masing (in-house training).

4. Satu program pengukuhan dan pengkayaan perlu diadakan di setiap sekolah supaya guru-guru, murid-murid/pelajar-pelajar dan kakitangan sekolah akan sentiasa terdedah dengan sebutan baku. Antara aktiviti-aktiviti yang boleh dimuatkan ke dalam porgram pengukuhan dan pengkayaan dengan menggunakan sebutan baku adalah:-

- i) Semua perhimpunan/rapat umum yang diadakan di sekolah;
- ii) Semua jenis masyuarat yang dikendalikan di sekolah;
- iii) Gerakerja ko-kurikulum;
- iv) Semua jenis arahan melalui P.A. System sekolah;
- v) Semua pertandingan yang berbentuk lisan, penggunaan sebutan baku disyaratkan;

- vi) Siri deklamasi sajak, bacaan cebisan cerita, contoh-contoh pidato yang berbentuk baku diadakan seberapa kerap yang boleh (misalnya waktu rehat dsb.) melalui "P.A. System" sekolah atau cara-cara lain mengikut kemampuan sekolah.

### **5. Pengesahan (monitoring)**

Satu sistem pengesahan terhadap keupayaan guru-guru menggunakan sebutan baku di dalam pengajaran mereka perlu diadakan di setiap sekolah. Satu jawatankuasa untuk mengendalikan kerja-kerja pengesahan ini perlu diadakan. Hasil dari pengesahan kerja-kerja pengesahan ini hendaklah diikuti dengan latihan lanjutannya kepada guru-guru yang masih belum dapat menguasai kemahiran sebutan baku di dalam mengendalikan tugas-tugas rasmi di sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri diminta mengambil berat di dalam pengesahan keupayaan guru-guru menggunakan sebutan baku. Sila kemukakan laporan kedudukan semasa mengenai hasil pengesahan keupayaan guru-guru menggunakan bahasa baku kepada Bahagian ini pada akhir bulan Ogos dan sekali lagi pada akhir bulan November setiap tahun sehingga keadaan memuaskan.

6 YB. Datuk/Tuan/Puan diminta mengedarkan pekeliling ini ke semua sekolah di negeri YB. Datuk/Tuan/Puan. Diharap semua sekolah akan dibekalkan dengan senaskah Pedoman Sistem Sebutan Baku.

7. Bersama-sama ini dilampirkan Pedoman Sistem Sebutan Baku Bahasa Malaysia (DBP) dan keterangan lanjut mengenai sebutan huruf i dan u yang terdapat di para 3.4 dan 3.6 di dalam kertas Pedoman tersebut dilampirkan juga.

Sekian, dimaklumkan. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'CINTAILAH BAHASA MALAYSIA KITA'

Saya yang menurut perintah,

(HAJI JUMAAT BIN DATO' HAJI MOHD. NOOR)

Pengarah Sekolah

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia.

S.K

1. Setiausaha Sulit Kanan,  
YB. Menteri Pendidikan.
2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
3. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
4. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II.
5. Pengarah, Bahagian Pendidikan Guru.
6. Pengarah, Pusat Perkembangan Kurikulum.
7. Pengarah, Jemaah Nazir Sekolah.
8. Pengarah, Bahagian Teknik dan Vokasional.
9. Pengarah, Lembaga Peperiksaan.

10. Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Pendidikan.
11. Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan.
12. Pengarah, Majlis Peperiksaan Malaysia.
13. Pengarah Biro Buku Teks.
14. Pengarah, Bahagian Pendidikan Agama Islam.
15. Pengarah, Institut Aminuddin Baki.